

Ali Ahmad

PENDITA ZA'BA DALAM KENANGAN

TIDAK dapat dinafikan bahwa kedudukan Za'ba di dalam sejarah persuratan Melayu adalah seorang ahli bahasa yang ulung dan di dalam sejarah masyarakat Melayu ia merupakan penulis yang paling produktif. Perhatian beliau pada bidang penulisan bermula dari tahun 1917 dan khususnya mengenai bahasa Melayu setelah berhenti daripada menjadi guru masuk bekerja di bawah R.O. Winstedt dan kemudian O.T. Dussek sebagai pengarang, dan ini berterusan hingga lebih kurang ke tahun-tahun enam puluhan. Kematian beliau tidak diragukan sebagai pemergian yang bukan sia-sia, kerana ia pergi setelah penuh berbakti kepada bangsanya yang serba kekurangan, istime-wanya ketika masyarakatnya tidak mendapat bimbingan yang sempurna daripada penjajah Inggeris.

Buku *Pendita Za'ba dalam kenangan (PZdk)*¹ yang ditulis oleh Abdul-lah Hussain dan Khalid Hussain adalah bertujuan mengenang kembali jasa seorang pendita yang tercinta ini. Setakat ini belum ada buku yang menceritakan tentang riwayat hidup Za'ba atau yang menganalisa tentang keseluruhan sumbangan yang banyak itu, kecuali sebuah kajian Zabidah Awang Ngah (1960) yang menganalisa tulisan-tulisan Za'ba yang dihasilkan dalam tahun-tahun dua puluhan. Ini mungkin kerana tidak ada pengarang yang berani menulis tentang pengarang gigih ini, kerana menulis tentang peribadi yang besar perlukan seorang yang berani dan tajam pandangan dan kritis jiwanya. Berhubung dengan Za'ba, ada satu hal yang menarik, iaitu keeng-ganannya untuk memberikan kebenaran kepada sebarang orang untuk menulis tentang dirinya. Dengan itu adalah beruntung bagi kedua-dua penulis buku *PZdk* memperoleh restu menyusun buku mengenai pujangga ini.

PZdk terbagi kepada empat bagian:

- i. Kedudukan Za'ba dalam Masyarakat Melayu
- ii. Riwayat Hidup
- iii. Artikel-artikal yang penting
- iv. Bibliografi karya-karya Za'ba

Bab satu *PZdk* memberikan secara ringkas dalam lima belas halaman sumbangan-sumbangan Za'ba. Bagi kebanyakan pemerhati-pemerhati ke-

¹ Abdullah Hussain dan Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974.

susastraan dan perkembangan bahasa Melayu Za'ba biasa dikenal sebagai seorang ahli bahasa dan sastra. Tetapi sebelum ia masuk ke bidang itu ia telah terlebih dulu menjadi pemerhati yang tajam mengenai masyarakatnya. Beliau telah menulis banyak artikel-artikel terutama di dalam *Pengasuh* dengan nama penanya "Patriot" dan *Lembaga Melayu* dengan memakai nama "Zai Penjelmaan". Tidak disebut oleh pengarang-pengarang *PZdk* sekurang-kurangnya satu lagi nama samarannya iaitu "Melayu Yang Beragama Islam". Kebanyakan daripada makalah-makalah yang ditulisnya dalam *Pengasuh*, *Lembaga Melayu*, dan (tidak disebut oleh pengarang-pengarang) *Utusan Melayu* adalah berkaitan dengan soal agama dan pelajaran. Tetapi tulisan-tulisan Za'ba ini tidak diperkatakan. Tidak diberitahu kepada pembacaanya apakah corak isi karangan dan kritikan-kritikannya itu.

Kecenderungan kedua pengarang ialah meneliti bahan-bahan yang hampir dengan mereka, iaitu majalah *Al-Ikhwān*, dan sebab itu karya-karya yang didapati daripada majalah itu diberikan nukilan isi secara terperinci (hal. 5-11). Di dalam berbuat demikian terasa seolah-olah karya-karya itu yang paling bererti jika dibandingkan dengan hasil-hasil berupa bahasa dan sastra yang untuknya diberikan cuma lebih kurang tiga halaman saja, walhal Za'ba pada pokoknya bukan seorang ahli fikir dan komentar sosial tetapi adalah sebagai ahli bahasa.

Riwayat hidup pendita Za'ba mengambil ruang yang banyak (hal. 16-185). Dipandang dari sudut luas umur dan pengalamannya, sewajarnya ia demikian. Dan ia boleh dibagikan kepada beberapa bagian: masa kecil dan persekolahan, mencari tapak hidup, kerjayanya, perjalanannya dan zaman akhirnya. Seluruhnya ini ditulis tanpa organisasi yang kukuh. Lebih baik kalau ia mengikut pembagian seperti di atas atau dengan susunan yang kronologis seperti apa yang dilakukan, tetapi dengan lebih kemas lagi.

Tambahan lagi riwayat hidup Za'ba yang dipaparkan tidak memberi apa-apa selain pengalaman biasa. Kedua pengarang *PZdk* melupakan hakikat bahwa semestinya ada motivasi atau daya penggerak yang kuat pada diri Za'ba untuk berbakti dalam dunia persuratan. Apakah motivasi itu? Mengapa ia tidak bosan-bosan menulis? Soal-soal ini penting kerana suasana di hari itu kurang menggalakkan tumbuhnya pengarang-pengarang. Atau apakah Za'ba menulis kerana untuk memenuhi tugasnya sebagai seorang pengarang di Pejabat Karang Mengarang? Tidak adanya analisa yang mendalam dalam hal ini gagal menimbulkan peribadi Za'ba sepenuhnya. Kelemahan besar pada buku ini adalah kekurangan analisa yang kritis terhadap bahan-bahan yang ada pada tangan penulis.

Daripada riwayat hidup Za'ba yang panjang lebar itu saya tertarik dengan beberapa intipati yang ada hubungannya dengan Za'ba sebagai manusia yang rajin mengarang. Ia adalah anak Cik Mat Linggi, faktor sosial; kedua, ia amat kritis terhadap British pada mulanya kemudian menjadi lembut dan beralih minat kepada soal bahasa, mungkin ada faktor orientasi; dan ketiga ia seorang yang dahagakan ilmu, tambahan kepada faktor dalam diri.

Linggi bukan saja melahirkan seorang pengarang, iaitu Za'ba, tetapi

juga Yusuf Ahmad (adiknya), Muhamad bin Datuk Muda dan Ibrahim bin Datuk Muda (kedua mereka bapa saudara Za'ba) dan Murad Ahmad, dan mereka ini mempunyai pertalian saudara antara satu sama lain. Linggi juga menjadi pusat pengajian agama di Negri Sembilan ketika itu. Melihat akan sejarah masyarakat Linggi bisa menolong kita memahami mengapa anak Linggi ini menempa sejarah. Tradisi aristokrat Bugis cintakan kesusasteraan berpanjangan kepada povang Za'ba sendiri. Za'ba beruntung bukan saja mempunyai latarbelakang didikan yang menjadikan ia *kreatif*, kerana ayahnya adalah penggubah syair yang dicintai ramai di kalangan orang-orang kampung malah oleh setengah Kelana di Negri Sembilan, bahkan juga mengalami tiga sistem pendidikan yang berbeza: Arab, Melayu dan Inggeris. Ini menyebabkan Za'ba bisa berbicara dalam banyak perkara daripada awal-awal lagi, iaitu:

a. Kritiknya terhadap penganaktirian sekolah-sekolah Melayu, dan peranan pelajaran baru bagi kemajuan bangsa.

b. Soal agama yang juga menjadi topik kebanyakan pengarang lain seperti yang tersiar dalam *Al-Imam* dan *Neraca*.

Kedua perkara ini menjadi perhatian untuk Za'ba sebelum ia berpindah ke Pejabat Pelajaran di bawah Winstedt dan ini saya anggap *fasa* pertama kegiatan Za'ba dalam penulisan. Dipandang daripada beberapa makalahnya di dalam *Utusan Melayu* dan *Pengasuh*, jelas penanya amat tajam, berani dan objektif.

Sejak Za'ba pindah ke Kuala Lumpur, pandangannya terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu sudah begitu jauh berubahnya daripada apa yang disuarakan sebelumnya. Kelemahan dan kemiskinan orang-orang Melayu terletak sepenuhnya pada bangsa Melayu itu sendiri, kerana mereka malas, tidak berbudi, percaya kepada karut-marut dan lain-lain seperti yang tertulis dalam artikel-artikelnya di dalam *Al-Ikhwān* (Lihat hal. 185-231). Pandangan ini bukan pandangan Za'ba seorang. Pada umumnya inilah juga pandangan pentadbir-pentadbir Inggeris seperti R.J. Wilkinson dan F.A. Swettenham yang sudah tentunya disuarakan untuk kepentingan Inggeris.

Agak diragukan hal ini dapat dirumuskan seperti dikatakan oleh pengarang-pengarang *PZdk*, "Waktu di Kuala Lumpur ia semakin banyak membaca buku-buku dan perhatiannya pun sudah mulai tajam tentang sesuatu perkara ditambah pula dengan pengalamannya yang makin bertambah. Ia mulai menyedari *bahwa kemunduran orang-orang Melayu bukan hanya semata-mata kerana orang putih tetapi orang-orang Melayu sendiri juga ikut bersalah.*" Walaupun kenyataan ini bisa dijadikan sebagai satu asumsi, kemungkinan yang lain perlu juga ditimbang.

Perubahan di atas berlaku setelah Za'ba berada di bawah Winstedt. Dalam pertemuan saya dengan Za'ba, ia mengakui semangat Dussek dan perhubungannya dengan Dussek berterusan hinggalah selepas Dussek bersara. Tetapi mengenai Winstedt Za'ba enggan berkata banyak, kecuali mengakui yang ia seorang pegawai Inggeris yang tunduk kuat kepada cita-cita Inggeris.

la seorang *schemer* pendidikan Melayu yang tajam kukunya menahan pertumbuhan intelektual Melayu. Tindakan Winstedt mengambil Za'ba bekerja di bawahnya tidak dapat dianggap ringan. Benar ia boleh menggunakan kecenderungan Za'ba menulis bagi kepentingan menambah buku-buku untuk sekolah Melayu. Tetapi ada kemungkinan yang lain, jiwa Za'ba yang kritis perlu dibentuk kembali agar tulisan-tulisannya tentang masalah masyarakat Melayu tidak menyentuh pemerintah, tetapi sebaliknya mempertahankan kedatangan dan kepentingan Inggeris sambil mengutuk bangsanya sendiri.

Lawatan Hamilton menemui Za'ba ketika ia berada di Kuala Kangsar sudah cukup jelas menunjukkan British amat waspada terhadap kritik-kritik terhadap polisinya. Kritik-kritik seperti itu bukan saja datangnya daripada "Anak Melayu Jati STM" (=Za'ba), tetapi daripada penulis-penulis lain melalui ruangan-ruangan pembaca di dalam *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahwa tekanan disalurkan melalui ketua pengarang akhbar, misalnya *Lembaga Melayu*. Adanya *The Seditious Publication Enactment 1917* menunjukkan penjagaan hal itu melalui undang-undang. Bukan kakitangan kerajaan saja perlu sedar akan undang-undang tersebut, tetapi hinggakan Syed Syekh Al-Hadi merasakan bahayanya untuk terlalu berani mengecam British terang-terangan.

Faktor-faktor masyarakat, undang-undang dan kerjaya seperti di atas yang tidak diperhatikan secara berhubungannya, menjadikan *PZdk* agak tawar, tidak menjelmakan perspektif yang jelas mengenai perkembangan hidup Za'ba dan tulisannya. Apa yang dipaparkan hanyalah satu perjalanan diri pendita itu dari masa ia lahir hingga akhir hayatnya, tanpa ada hubungan dengan karya-karya yang dilahirkannya atau sifat-sifat utamanya, samada kelebihan atau kekurangannya. Ada juga percubaan penulis-penulis *PZdk* untuk menimbulkan setengah sifat Za'ba seperti ketelitiannya, hingga kepada soal koma, tetapi hal ini terletak begitu terpendil dan tersendiri.

Begitu juga kita melihat sifat Za'ba yang dahagakan ilmu. Kerana sistem pendidikan penjajah Inggeris tidak menggalakkan anak-anak Melayu melanjutkan pelajarannya terlebih tinggi daripada untuk kepentingan pentadbiran negeri, Za'ba tidak bisa meneruskan pelajarannya, walaupun dalam lapangan bahasa atau persuratan. Za'ba pernah melamar, ketika beliau berada di Sultan Idris Training College, untuk melanjutkan pelajarannya di England dalam lapangan yang ia cenderung. Permohonannya mendapat sokongan kuat daripada Dussek, tetapi Winstedt menolaknya. Pengalaman ini mestinya pahit, tetapi Za'ba kurang membicarakannya. Tetapi bila peluang terbuka ia menggunakannya untuk cita-cita yang telah terpendam hampir dua dekad lamanya itu.

Bab Tiga mengandungi artikel-artikel yang penting. Ini tidak perlu diperkatakan panjang lebar kerana ia merupakan penyalinan kembali daripada *Al-Ikhwan* dan *JMBRAS*. Ia cuma berguna sebagai dokumentasi. Bagi penyelidik yang berminat meneliti akan perkembangan fikiran Za'ba sebagai salah seorang cendekiawan dari golongan inteligensia Melayu, kumpulan ini tidak cukup dan tidak representatif. Tidak ada sebuah pun karangannya yang tertulis sebelum tahun-tahun dua puluhan dimasukkan bersama.

Bagian Bibliografi yang berikutnya dirasakan paling berguna untuk panduan mereka yang mau membuat kajian yang sempurna mengenai Za'ba. Tetapi bibliografi ini tidak lengkap. Menurut *PZdk*, Za'ba menulis dengan nama "Anak Melayu Jati", tetapi tidak terlihat di dalam bibliografi ini rencana-rencana tersebut. Seperti yang saya katakan terdulu dari ini Za'ba juga menulis dengan menggunakan nama "Melayu yang Beragama Islam".

Kelemahan terbesar *PZdk* ialah berhubungan dengan bahan-bahan yang dijadikan dasar kajian. Pengarang-pengarangnya mengakui bahwa buku itu berasaskan kepada *interview* dengan Pendita Za'ba sendiri. Walaupun kita tidak memperkecilkan integriti Za'ba, kata-kata dari mulutnya semata-mata tidak bisa dijadikan bahan yang paling otentik, kerana ia mungkin lemah oleh faktor-faktor ingatan, hormatkan orang lain dan sebagainya. Diari, tulisan-tulisan, pandangan orang lain, surat-surat dan sebagainya tidak digunakan sepenuhnya.

Pada keseluruhannya buku ini amat mengecewakan. Daripada begitu banyak halaman yang diambil, terutama mengenai riwayat hidupnya, tidak timbul kesan sebagai membaca kisah seorang pengarang besar. Ia dilahirkan dengan amat tergesa-gesa, untuk mengenangkan perginya seorang tokoh, dan dengan itu hasilnya tidak menimbulkan kemerlip jiwa yang seharusnya dihidupkan untuknya. Saya percaya, biarkan kita mengambil waktu yang panjang, menghabiskan tenaga seorang penyelidik yang serius, kerana sebuah buku mengenai Za'ba seharusnya sesuatu yang dapat melambangkan peribadi yang besar itu. Sesungguhnya ia memerlukan seorang yang serius dan lebih besar daripada Za'ba untuk bisa menulis sebuah buku yang benar-benar baik mengenai seorang pendita.